

Ringgit

DISEMBER 2010
RAKAN KEWANGAN ANDA

ISSN 2180-3684 • Bil 8/10 • KKDN: PP 16897/05/2011 (029495)

Kedudukan Kewangan Yang Sihat



di dalam
RINGGIT
bulan ini

- **Anak-Anak Perlu Dididik Tentang Wang**
- **Mengetahui Nilai Masa Wang**
- **Insurans Motor - Bahagian II**
- **Hak dan Tanggungjawab Sebagai Pelanggan Bank**
- **Perkhidmatan Kaunter Bergerak BNMLINK Januari 2011**

ISSN 2180-3684



9 772180 368003



GABUNGAN
PERSATUAN-PERSATUAN
PENGGUNA MALAYSIA



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sidang Redaksi

Penasihat

Datuk Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor

Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang

Yu Kin Len
Siti Rizadiana binti Rahmat
Sharala Devi Thayakaran

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan.

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia

No. 1D-1, Bangunan SKPPK
Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Web : www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:

Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)

No. 1D-1, Bangunan SKPPK
Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crcc.org.my
Web : www.crcc.org.my

Dicetak oleh:

تورجیتیشن اسامس جايي (مليسيا) سنديرين برحد

Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd

No. 5B Tingkat 2
Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.



Maklum Balas Pembaca Ringgit

RINGGIT telah diterbitkan semenjak bulan Mei 2010. Keluaran bulan Disember ini merupakan edisi yang kelapan. Dalam kelapan-lapan edisi ini, Sidang Redaksi RINGGIT telah memuatkan pelbagai artikel yang bertujuan untuk melatih dan mendidik para pembaca tentang aspek pengurusan dan perancangan kewangan. Dengan ini, pengguna dapat menguruskan sumber kewangan mereka dengan bijak dan cekap.

Pengurusan kewangan yang baik adalah penting tidak kira sama ada anda adalah pelajar, remaja, ibu bapa atau golongan yang berumur 50-an, yang sedang memikirkan tentang persaraan mereka. Begitu juga pengurusan kewangan adalah penting tanpa mengira berapa pendapatan anda, iaitu sama ada anda berpendapatan RM1,500 atau RM15,000 sebulan.

Sekiranya anda tidak dapat hidup dalam lingkungan gaji anda, seperti kata pepatah "Ukur baju di badan sendiri", apabila gaji anda RM1,500 sebulan, besar kemungkinan anda akan sukar untuk mengawal perbelanjaan anda sekiranya gaji anda telah meningkat dua atau tiga kali ganda.

Pengurusan kewangan bukanlah satu aktiviti yang hanya dilakukan sekali sahaja, selepas itu selesai. Tidak! Pengurusan kewangan adalah aktiviti sepanjang hidup. Semasa anda muda, mungkin keutamaan anda adalah untuk

mendapatkan ijazah di universiti yang anda inginkan, manakala meningkat usia 50-an, anda mungkin lebih mengutamakan untuk mengekalkan gaya hidup selepas persaraan anda.

Walaupun pengurusan kewangan meliputi banyak perkara, namun secara asas ia merangkumi empat komponen:

- Memaksimumkan pendapatan
- Memaksimumkan harta dan pelaburan
- Menguruskan kewangan secara cekap dan berkesan
- Mengawal perbelanjaan secara bijak

Melalui RINGGIT, FOMCA dan Bank Negara Malaysia berhasrat untuk menyediakan pengguna dengan kemahiran tentang aspek-aspek kewangan tersebut.

Bagi mempertingkatkan kualiti RINGGIT dan menyesuaikan dengan harapan anda dalam bidang kewangan, maka dalam keluaran ini, pihak kami telah menyediakan borang tinjauan bagi membolehkan para pembaca RINGGIT memberikan maklum balas. Pihak kami amat mengharapkan kerjasama para pembaca untuk memberikan maklum balas melalui borang disediakan secara jujur dan ikhlas agar pihak kami dapat menambah baik kualiti RINGGIT pada masa akan datang.

Sidang Redaksi RINGGIT

Kedudukan Kewangan Yang Sihat

Anda tidak boleh mencapai kedudukan kewangan yang sihat jika anda tidak merancang.



Bagaimana caranya untuk mengetahui jika anda mempunyai kewangan yang sihat atau tidak. Berikut adalah ciri-ciri yang boleh dijadikan sebagai panduan.

1. Kebolehan untuk hidup tanpa bergantung kepada hutang pengguna

Hampir semua rakyat Malaysia mempunyai hutang pengguna. Kebanyakannya mungkin mempunyai kad kredit (bukan satu, malah beberapa!), dan sesetengahnya pula menanggung hutang yang tertunggak dari satu bulan kepada satu bulan yang lain. Kereta yang dibeli melalui sewa beli juga adalah satu jenis hutang.

Hutang pengguna didefinisikan sebagai proses meminjam wang untuk sesuatu yang nilainya akan berkurangan selepas membelinya. Golongan muda yang baru bekerja akan menggunakan kemudahan hutang pengguna untuk membeli peralatan rumah yang baru atau kereta. Terdapat juga golongan pekerja yang bergantung kepada hutang untuk menyara hidup sehingga akhir bulan kerana masalah kewangan. Oleh sebab terlalu bergantung kepada hutang pengguna mengakibatkan mereka menghadapi kegawatan kewangan.

2. Keupayaan memiliki rumah bebas hutang sebelum bersara

Anda hidup pada zaman yang berbeza daripada zaman nenek moyang anda. Begitu juga dengan cara untuk memiliki rumah adalah berbeza. Pada hari ini, dengan membayar 10 peratus sebagai wang pendahuluan (sesetengah tidak mengenakan pendahuluan langsung), anda sudah boleh memiliki rumah. Sepatutnya bayaran ansuran rumah habis dibayar semasa bersara, tetapi sekarang institusi kewangan mungkin akan memanjangkan tempoh pembayaran

sehingga anda berumur 75 tahun! Kemudahan ini mungkin menyebabkan jumlah ansuran bulanan semakin rendah, tetapi ini juga bermakna anda tidak boleh bersara sehingga anda mencapai usia 75 tahun!

Keadaan kewangan seseorang berada pada tahap optimum apabila ia tidak perlu lagi membayar hutang rumah semasa bersara. Pilihan lain ialah anda mempunyai dana yang boleh menjana pendapatan yang boleh membayar ansuran bulanan semasa bersara. Walau apapun caranya, anda dapat bersara tanpa hutang.

3. Keupayaan untuk menikmati persaraan yang terjamin dan dihormati

Kajian menunjukkan kurang daripada 5 peratus individu yang mempunyai kebebasan kewangan semasa bersara. Sebahagian daripadanya akan mengalami keadaan kewangan yang mengecewakan! Oleh itu menabunglah duit sebanyak boleh ketika anda masih boleh menjana pendapatan. Seperti kata pepatah "Bersusah-susah dahulu bersenang-senang kemudian!"

4. Keupayaan untuk memberi pelajaran anak-anak yang menjamin pekerjaan

Anak-anak dan cucu-cucu anda memerlukan persediaan untuk mendapat pekerjaan yang akan menjamin masa hadapan mereka. Oleh itu, anda perlu melabur dengan memberikan pendidikan yang secukupnya kepada keluarga anda agar ia dapat memberikan pulangan yang baik pada masa hadapan.

Graduan universiti boleh menjana pendapatan lebih daripada dua kali ganda pendapatan seumur hidup seorang lepasan SPM dan empat kali ganda pendapatan seumur hidup bagi mereka yang berhenti

Anda patut melatih anak-anak anda supaya mereka mampu memilih jalan yang boleh membawa kepada kehidupan yang baik. Keluarga yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh mempunyai persediaan sekurang-kurangnya enam bulan perbelanjaan mereka daripada “dana kecemasan”.



sekolah tanpa mempunyai sebarang kelulusan. Sebaik-baiknya anda telah menyediakan dana apabila kegunaannya diperlukan. Anda patut melatih anak-anak anda supaya mereka mampu memilih jalan yang boleh membawa kepada kehidupan yang baik.

5. Keupayaan untuk membayar secara tunai barangan runcit

Kehidupan seharian memerlukan perbelanjaan harian. Adalah penting bagi seseorang yang mempunyai kewangan yang baik membayar secara tunai untuk barangan yang diperlukan. Anda mungkin membayar barangan runcit dan barangan keperluan dengan kad kredit, tetapi pastikan anda membayar penuh pada setiap bulan. Jikalau tidak, kadar faedah yang dikenakan ke atas tunggakan baki kad kredit anda akan meningkatkan jumlah perbelanjaan anda.

6. Keupayaan untuk bertahan ketika menghadapi kecemasan

Kebanyakan kegawatan kewangan bersifat jangka pendek. Keluarga yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh mempunyai persediaan sekurang-kurangnya enam bulan perbelanjaan mereka daripada “dana kecemasan”. Kehilangan pekerjaan, dibuang kerja atau diturunkan taraf kerja adalah sesuatu yang di luar jangkaan, dan ia tidak sepatutnya boleh menggugat kehidupan anda.

Sesebuah keluarga mungkin boleh ditimpa kemalangan, mala petaka semula jadi atau krisis kewangan yang teruk. Keluarga yang mempunyai keadaan kewangan yang sihat boleh mengharungi cabaran ini.

7. Keupayaan untuk hidup sepenuhnya, termasuk percution, rekreasi dan aktiviti keluarga

Kehidupan akan terus berlalu sama ada anda mempunyai perancangan ataupun tidak. Oleh itu anda perlu berhati-hati menjalani kehidupan pada masa ini dan bersikap beringat-ingat untuk menjalani kehidupan yang akan datang. Orang yang mempunyai kedudukan kewangan yang sihat dapat mengimbangi pengalaman peluang masa kini sambil membuat persiapan untuk masa akan datang. Sesetengah orang berpendapat bahawa semua keluarga harus pergi bercuti setiap tahun. Percutian, rekreasi dan masa rehat adalah bergantung kepada kedudukan kewangan yang sihat.

Artikel ini adalah sumbangan dari Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). AKPK merupakan sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia sejak 2006, dan mereka menawarkan perkhidmatan dari segi pendidikan kewangan, kaunseling kewangan dan program pengurusan kredit.

Hubungi AKPK melalui 1-800-88-2575 atau layari laman web www.akpk.org.my. AKPK turut berada di www.youtube.com, www.facebook.com dan juga di www.twitter.com/AKPK1. Perkhidmatan AKPK kepada individu adalah percuma.

Anak-Anak Perlu Dididik Tentang Wang

Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu pada masa ini, pengurusan kewangan keluarga merupakan satu perkara yang sangat penting. Konsep pengurusan kewangan ini bukan sahaja terhad kepada golongan dewasa, malah ia perlu diterapkan pada peringkat kanak-kanak lagi.



Anda perlulah mendedahkan kepada anak-anak tentang pengurusan kewangan bermula daripada sekarang. Ini dapat membantu mengurangkan jumlah perbelanjaan bulanan anda. Dengan harga barang runcit yang semakin meningkat, anda sememangnya memerlukan bantuan daripada semua ahli keluarga dan tidak terkecuali juga daripada anak-anak. Mungkin ada dalam kalangan ibu bapa yang tertanya-tanya, "Perlukah anak-anak diberi pendidikan tentang wang?" Teruslah membaca untuk mengetahui jawapannya.

Untuk menerapkan nilai dan asas yang kukuh pada anak-anak

Mahu atau tidak, anda perlu mengakui bahawa pengurusan kewangan adalah satu keperluan, lebih-lebih lagi pada zaman sekarang ini yang semuanya memerlukan duit. Malangnya, ramai ibu bapa yang gagal mendidik anak-anak mereka mengenai asas-asas pengurusan kewangan. Ini perlu diubah kerana mendidik anak-anak mengenai wang adalah sama pentingnya dengan mengajar anak mengenai perkara-perkara asas lain seperti memberus gigi, mencuci tangan sebelum makan dan sebagainya. Pengajaran yang paling penting untuk disampaikan kepada anak-anak ialah kepentingan menabung dan mengelakkan pembaziran. Ini perlu dilaksanakan demi kebaikan anda dan anak-anak anda.

Duit tidak turun dari langit

Mungkin ada anak-anak pada zaman sekarang tidak menganggap bahawa mendapatkan duit itu satu

perkara yang sukar. Semuanya dianggap mudah belaka oleh mereka. Cubalah bayangkan senario yang benar-benar berlaku ini – seorang anak kecil meminta ibunya membelikannya mainan baru tetapi ibunya tidak mempunyai duit yang mencukupi dalam dompetnya untuk membelikan mainan tersebut, lalu dia berkata "Mak tidak cukup duit nak belikan adik mainan ni".

Si anak pula dengan lurusya menjawab "ATM kan ada. Mak keluarkan sahaja duit daripada mesin ATM tu". Inilah fikiran kanak-kanak zaman sekarang! Menakutkan bukan?. Bagi mereka, wang yang dikeluarkan mesin ATM itu tidak ada kesudahannya, dan anda boleh ke mesin ATM pada bila-bila masa sahaja untuk mengeluarkan seberapa banyak wang yang anda mahu.

Kanak-kanak akan melalui satu peringkat dalam hidup mereka yang menyebabkan mereka ingin memiliki pelbagai jenis benda. Mereka mahukan itu, mahukan ini dan macam-macam lagi. Mereka tidak sedar bahawa untuk mendapatkan wang, anda sebagai ibu bapa perlu bekerja keras. Tidak semua yang dihajatkan boleh menjadi milik mereka. Apabila anak-anak sudah sampai ke peringkat ini, sudah tiba masanya untuk anda memberikan mereka pendedahan mengenai pengurusan kewangan.

Apabila anak-anak mengenali perbezaan antara keperluan dan kehendak serta perlunya menabung, mereka akan mempunyai disiplin untuk menabung dan mengawal diri daripada membazir.



Mendisiplinkan anak anda mengenai wang

Salah satu pengajaran yang paling penting dalam usaha anda mendidik anak-anak mengenai pengurusan kewangan ialah anak-anak perlu mengetahui bahawa mereka perlu mempunyai disiplin dalam berbelanja dan menguruskan wang. Ramai ibu bapa yang mungkin menggeleng kepala dan mengeluh sambil berkata, "Kanak-kanak sekarang bukan macam dulu. Bukan mudah untuk mengajar mereka supaya berdisiplin". Anda boleh berbahas mengenai isu disiplin ini, namun apa yang pasti ialah disiplin itu satu keperluan.

Anak-anak perlu mempunyai disiplin, sama ada dalam konteks menyimpan wang dalam akaun simpanan mahupun sekadar dalam tabung di rumah. Apabila anak-anak mengenali perbezaan antara keperluan dan kehendak serta perlunya menabung, mereka akan mempunyai disiplin untuk menabung dan mengawal diri daripada membazir. Mereka juga akan berusaha dengan lebih gigih untuk berbelanja mengikut kemampuan diri.

Untuk mengelakkan anak anda daripada menjadi generasi hutang (*generation debt*)

Ramai anak-anak yang masih menuntut di universiti sudahpun mempunyai hutang yang perlu mula dibayar apabila tamat pengajian. Contohnya pinjaman pelajaran atau pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Apa yang dikhuatiri ialah apabila memasuki alam pekerjaan, bukan saja pinjaman pelajaran yang perlu dibayar, tetapi ditambah pula

dengan hutang kad kredit, pinjaman peribadi dan sebagainya. Jika hutang ini tidak dikawal, mereka mungkin akan dibelenggu hutang untuk tempoh yang lama. Keadaan ini mungkin akan melarat sehingga mereka sudah berkeluarga.

Oleh itu, bagi mengelakkan anak-anak daripada ditimpa masalah seperti ini, anda perlu membimbing mereka mengenai perancangan kewangan sejak daripada awal lagi.

Untuk menanamkan sifat pemurah dan dermawan pada anak-anak

Jika anak-anak anda dapat menguruskan wang dengan lebih baik, mereka akan dapat menabung dan melabur wang yang disimpan itu. Di samping itu juga, wang lebihan itu boleh digunakan untuk menderma atau menolong kawan atau orang-orang susah. Inilah masanya untuk memberikan anak-anak pendedahan kepada golongan yang kurang bernasib baik agar mereka tahu menilai kepentingan jati diri yang baik dan sentiasa bersyukur dengan segala kemewahan dan kesenangan yang dimiliki. Dengan menggalakkan sikap dermawan dalam diri anak-anak pada usia yang muda, mereka akan membesar sebagai individu yang mempunyai sifat terpuji dan menghargai kesan positif yang dibawa mereka kepada persekitaran dan masyarakat sekeliling.



© Securities Industry Development Corporation 2010. Untuk mendapatkan panduan pelaburan bijak, layari laman web Pelabur Malaysia (www.min.com.my). Jika anda berminat berkongsi, menerbit atau mengedat semula artikel ini, sila emel min@min.com.my.



Mengetahui Nilai Masa Wang

Lebih awal anda melabur, lebih besar pulangan atas nilai wang anda. Lebih tinggi pulangan pelaburan, lebih cepat pula anda dapat menggandakan wang anda. Tapi awas – semakin tinggi pulangan sesuatu pelaburan, semakin tinggi juga risiko anda kehilangan wang pelaburan anda.

Salah satu konsep paling asas (dan penting) dalam analisis pelaburan ialah nilai masa wang. Ia membentuk asas kepada celik kewangan, di samping menjadi asas untuk memahami penilaian dan pelaburan kewangan.

Warren Buffett, salah seorang pelabur paling berjaya pada masa ini, amat mempercayai nilai masa wang. Beliau lebih gemar memilih untuk melaburkan semula wang yang dijana daripada perniagaan daripada menggunakannya untuk membayar dividen kepada pemegang saham syarikatnya. Dengan cara ini, wang itu terus berkembang. Begitu juga, nilai pelaburannya akan berganda mengikut masa, sama seperti cara bakteria membiak, dan kesannya pulangan akan meningkat dengan lebih tinggi. Inilah yang dikatakan kuasa masa terhadap nilai wang.

Masa ialah aset yang terbesar bagi seseorang yang hendak melabur. Lebih awal anda melabur, maka lebih besar pulangan atas nilai wang. Ini disebabkan oleh prinsip faedah kompaun yang anda perolehi daripada faedah atas pelaburan asal anda. Walaupun terdapat perbezaan satu

mata peratusan, kesan dalam jangka panjang boleh menjadi ketara.

Contohnya anda melabur RM1,000 sekali gus dan mendapat pulangan 10 peratus setiap tahun. Tahun pertama nilai pelaburan anda adalah RM1,100, tahun ke-2 RM1,210, tahun ke-3 RM1,331, tahun ke-4 RM1,464, tahun ke-5 RM1,611, tahun ke-6 RM1,772 dan tahun ke-7 pula sebanyak RM1,949. Sebagai pelabur, anda boleh terus melabur untuk mendapatkan pulangan tinggi bagi pelaburan anda. Umpamanya pada tahun ke-7, pulangan pelaburan anda hampir berganda.

Masa yang diperlukan untuk menggandakan wang anda boleh dikira dengan peraturan 72. Bahagikan 72 dengan peratusan faedah yang anda peroleh daripada simpanan. Sekiranya pulangan yang diperolehi tidak memuaskan, anda boleh menimbang pilihan lain yang memberi kadar pulangan yang lebih tinggi. Berapa lamakah masa diambil untuk menggandakan simpanan anda?

... ke muka 12

Insurans Motor – Bahagian II



Pembayaran Premium Motor

- Premium hendaklah dibayar kepada ejen syarikat insurans atau secara terus kepada syarikat insurans. Dengan pelaksanaan e-insurans oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dalam tahun 2005, nota perlindungan fizikal tidak dikeluarkan lagi. Walau bagaimanapun, penyata yang mengandungi butir-butir terperinci tentang insurans motor anda akan dikeluarkan kepada anda sebagai pengesahan pembelian perlindungan tersebut.

Hubungi syarikat insurans sekiranya anda masih tidak menerima polisi insurans dalam tempoh sebulan selepas pembelian polisi.

- Berkuat kuasa 1 Julai 2009, individu yang membeli perlindungan insurans motor secara terus daripada syarikat insurans adalah layak untuk menerima rebat premium sebanyak 5% pada tahun pertama berkuat kuasanya pelaksanaan dan 10% pada tahun-tahun berikutnya. Pembelian secara terus meliputi kunjungan sendiri ke

syarikat insurans, melalui Internet, penghantaran terus melalui pos dan melalui saluran telepemasaran.

Apa yang perlu anda tahu apabila membuat tuntutan sekiranya kenderaan terlibat dalam kemalangan

- **Catatkan** nama dan alamat semua pemandu, buatan/model dan nombor pendaftaran setiap kenderaan yang terlibat, nombor lesen pemandu dan butir-butir insurans dan juga nama dan alamat saksi yang terlibat.
- **Buat laporan polis** dalam masa 24 jam selepas sesuatu kemalangan jalan raya dan **maklumkan syarikat insurans anda secara bertulis** dengan memberi butir-butir lengkap dengan segera.
- Sekiranya kenderaan anda rosak, anda boleh memilih sama ada membuat tuntutan kerosakan sendiri atau tuntutan pihak ketiga:

Tuntutan kerosakan sendiri


- Ini merujuk kepada membuat tuntutan terhadap polisi insurans anda sendiri, iaitu anda mempunyai polisi komprehensif. Walau bagaimanapun, anda akan kehilangan kelayakan 'Non Claim Discount' (NCD).
- Hubungi syarikat insurans anda dengan segera bagi mendapatkan nasihat. Hantar kenderaan anda ke bengkel panel yang diluluskan.
- Syarikat insurans akan menghantar pelaras kerugian untuk menilai kerosakan sebelum meluluskan kerja pembaikan

Tuntutan pihak ketiga

- Anda boleh membuat tuntutan Pihak Ketiga sekiranya anda bukan pihak yang bersalah ke atas kemalangan tersebut dan anda dapat mengekalkan kelayakan NCD anda.
- Terdapat dua jenis tuntutan Pihak Ketiga:
 - Tuntutan terhadap syarikat insurans pihak yang bersalah; atau
 - Tuntutan terhadap syarikat insurans anda, sekiranya anda mempunyai polisi Komprehensif.

Anda digalakkan mengemukakan tuntutan anda kepada syarikat insurans anda sendiri untuk mempercepatkan pemprosesan tuntutan.

- Melantik pelaras kerugian berlesen untuk menilai kerugian anda dan menghantar kenderaan ke bengkel yang diluluskan oleh Persatuan Insuran Am Malaysia (PIAM).



- Sekiranya anda bukan pihak yang bersalah, anda juga layak menuntut daripada syarikat insurans pihak ketiga, pampasan bagi masa pembaikan sebenar (CART). CART bermaksud amaun yang berpatutan yang perlu dibayar oleh syarikat insurans pihak ketiga sebagai pampasan terhadap kehilangan daya guna kenderaan anda.

Jumlah yang akan dibayar adalah berdasarkan skala standard yang telah ditetapkan oleh PIAM dan jumlah hari untuk membaiki kenderaan anda seperti yang ditentukan oleh pelaras kerugian dan bukannya jumlah hari kenderaan anda berada di bengkel.

Syarikat insurans, mengikut budi bicaranya boleh memberikan tambahan tempoh selama tujuh hari bekerja bagi sebarang kelewatan yang tidak dapat dielakkan. Skala standard bagi CART harian telah ditetapkan oleh PIAM adalah seperti jadual di bawah:

Kenderaan Kegunaan Persendirian	Pampasan untuk 'Masa Pembaikan Sebenar' / Sehari
Sehingga 1500 cc	RM 30
Melebihi 1500cc - 2000 cc	RM 40
Melebihi 2000 cc	RM 50
Kenderaan Perdagangan	
Sehingga 1 tan	RM 40
Melebihi 1 - 2 tan	RM 60
Melebihi 2 tan	RM 90
Lori trailer	RM 120
Bas (Persendirian)	RM 90
Lain-lain Bas (Ekspress / Berhenti-henti)	RM 180
Teksi / Kereta Sewa dan Pandu	RM 40
Motosikal	
Sehingga 2500 cc	RM 10
Melebihi 2500 cc	RM 15

Sebagai alternatif, anda boleh membuat tuntutan kos menyewa kenderaan gantian yang sama jenis dan kapasiti untuk selama jumlah hari yang ditentukan bagi masa pembaikan sebenar yang dibuktikan dengan resit daripada syarikat kereta sewa berlesen.

Selaras dengan prinsip indemniti, anda akan menanggung perbezaan kos terbabit kerana dengan alat francais baru tersebut, anda kini berada dalam keadaan yang lebih baik selepas kemalangan.



Prinsip indemniti

Berdasarkan prinsip ini, perlindungan insurans akan membayar kerugian anda dengan meletakkan anda pada keadaan yang sama sebelum anda mengalami kerugian. Memandangkan anda akan dibayar berdasarkan hanya kepada jumlah kerugian yang ditanggung, anda tidak boleh 'mendapat keuntungan' daripada tuntutan insurans motor. Oleh yang demikian, sekiranya kenderaan anda melebihi usia lima tahun, '**betterment**' akan dikenakan.

'**Betterment**' terjadi jika semasa membaiki kerosakan kenderaan akibat kemalangan, alat lama diganti dengan alat francais baru.

Selaras dengan prinsip indemniti, anda akan menanggung perbezaan kos terbabit kerana dengan alat francais baru tersebut, anda kini berada dalam keadaan yang lebih baik selepas kemalangan. Walau bagaimanapun, peneilaian 'betterment' adalah atas budi bicara syarikat insurans anda.

Sekiranya syarikat insurans anda mengenakan 'betterment', ia hendaklah menurut skala standard 'betterment' yang diguna pakai oleh industri seperti berikut:

Umur Kenderaan / Tahun	Kadar Maksimum (%)
Kurang daripada 5 tahun	0
5	15
6	20
7	25
8	30
9	35
10 dan ke atas	40

Tuntutan kecurian

- Selepas mengemukakan borang tuntutan, anda mesti bekerjasama sepenuhnya dengan syarikat insurans anda atau wakilnya semasa penyiasatan tuntutan kecurian tersebut.
- Memandangkan polis dan syarikat insurans anda memerlukan masa untuk menyiasat tuntutan anda, anda akan menerima tawaran pembayaran daripada syarikat insurans anda dalam tempoh enam bulan dari tempoh kecurian tersebut dimaklumkan atau selepas selesainya siasatan polis, mengikut mana yang lebih awal.



Hak Dan Tanggungjawab Sebagai Pelanggan Bank

TANGGUNGJAWAB ANDA

Sebagai pelanggan bank, anda hendaklah:

- ✓ membuat perbandingan sebelum memilih akaun atau pinjaman/pembiayaan
- ✓ meneliti dan memahami terma dan syarat
- ✓ memaklumkan pihak bank sebarang pertukaran butiran peribadi (alamat, nombor telefon)
- ✓ tidak mendedahkan butiran kad kredit dan PIN anda kepada orang lain
- ✓ tidak menggunakan akaun atau pinjaman/pembiayaan anda untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang
- ✓ berbincang dengan pihak bank sekiranya anda menghadapi masalah tentang akaun atau pinjaman/pembiayaan
- ✓ mengetahui hak dan perkara yang perlu dielak sebagai seorang penjamin
- ✓ tidak menandatangani borang kosong



HAK ANDA

Sebagai pelanggan bank, anda berhak untuk dilayan dengan adil. Sila:

- ✓ dapatkan salinan piagam pelanggan bank
- ✓ dapatkan maklumat tentang akaun deposit atau pinjaman/pembiayaan pilihan anda
- ✓ buka akaun perbankan asas pada kos minimum atau percuma
- ✓ dapatkan maklumat tentang fi dan caj
- ✓ minta bank anda untuk melindungi butiran peribadi anda
- ✓ minta bank anda maklumkan sebarang perubahan terma dan syarat
- ✓ minta bank anda selesaikan sebarang pertanyaan atau aduan anda dengan segera

Program pendidikan pengguna oleh:



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

☎ 1-300-88-5465 (BNM Telelink)



PERSATUAN BANK-BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

☎ 1-300-88-9980 (ABMConnect)

🌐 www.bankinginfo.com.my



ASSOCIATION OF ISLAMIC BANKING INSTITUTIONS MALAYSIA
PERSATUAN INSTITUSI PERBANKAN ISLAM MALAYSIA

📖 Panduan *info perbankan* boleh didapati di semua bank

dari muka 7 ...



Sekiranya pulangan yang diperoleh tidak memuaskan, anda boleh menimbang pilihan lain yang memberi kadar pulangan yang lebih tinggi. Berapa lamakah masa diambil untuk menggandakan simpanan anda?

$72 / 2\% = 36$ tahun, $72 / 5\% = 14.4$ tahun, $72 / 8\% = 9$ tahun, $72 / 10\% = 7.2$ tahun dan $72 / 12\% = 6$ tahun (Dengan kadar pulangan 12%, wang akan berganda dalam tempoh kira-kira 6 tahun).

“Lebih awal anda melabur, lebih besar pulangan atas nilai wang anda. Lebih tinggi pulangan pelaburan, lebih cepat pula anda dapat menggandakan wang anda. Tetapi awas – semakin tinggi pulangan sesuatu pelaburan, semakin tinggi juga risiko anda kehilangan wang pelaburan anda. Oleh itu, pilih pelaburan yang membawa pulangan yang baik dan sentiasa ukur risiko pelaburan anda agar tidak tertipu semasa cuba menggandakan wang anda.”

Perkhidmatan Kaunter Bergerak BNMLINK Januari 2011



Pegawai-pegawai BNMLINK akan mengadakan perkhidmatan kaunter bergerak di lokasi-lokasi berikut pada bulan Januari 2011 untuk membantu sebarang permasalahan kewangan, pinjaman, perbankan atau insurans anda:

1. Maybank

**Cawangan Kuala Kubu,
Selangor Darul Ehsan***

Tarikh : **Isnin, 17 Januari 2011**

Masa : **9.30 pagi – 4.30 petang**

2. CIMB Bank

**Cawangan Batang Kali
Selangor Darul Ehsan***

Tarikh : **Selasa, 18 Januari 2011**

Masa : **9.30 pagi – 4.30 petang**

** Sekiranya terdapat pertukaran lokasi, tarikh dan masa, sila rujuk pengumuman yang akan dibuat dalam pelbagai media termasuk surat khabar, radio, risalah ringkas serta sependuk di kawasan sekitar daerah anda.*

Bank Negara Malaysia

Talian Tol : 1-300-88-5465
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
Laman web : www.bnm.gov.my

Persatuan Bank-Bank Malaysia (ABM Connect)

Talian Tol : 1-300-88-9980
E-mel : banks@abm.org.my
Laman web : www.abm.org.my

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Talian Tol : 1-800-88-2575
E-mel : enquiry@akpk.org.my
Laman web : www.akpk.org.my

Biro Pengantaraan Kewangan (BPK)

Talian am : 03-2272 2811
E-mel : enquiry@fmb.org.my
Laman web : www.fmb.org.my

Sebarang maklum balas sila e-melkan kepada ringgit@crcc.org.my